



Liberty
Insurance®

Pemandu Kenderaan
Perdagangan
Terma & Syarat

POLISI INSURANS PEMANDU KENDERAAN PERDAGANGAN

BAHAWASANYA Pihak Diinsuranskan yang dinamakan dalam jadual bersama-sama ini telah membuat kepada Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P) (kemudian dari ini disebut "Syarikat") suatu Cadangan dan Perisytiharan bertulis yang telah dipersetujui Pihak Diinsuranskan hendaklah dianggap bersifat janji hutang dan berkuat kuasa dan menjadi asas Kontrak ini dan dianggap tergabung di dalam ini dan telah membayar atau bersetuju untuk membayar Premium yang dinyatakan dalam Jadual sebelumnya sebagai balasan untuk Insurans yang kemudian dari ini diperuntukkan.

MAKA DENGAN INI POLISI INI MENYAKSIKAN bahawa sekiranya pada bila-bila masa dalam Tempoh Insurans yang dinyatakan dalam Jadual bersama-sama ini atau dalam mana-mana Tempoh selanjutnya dengan Syarikat boleh menerima bayaran untuk pembaharuan Polisi ini sebagai balasan bagi Insurans yang sedemikian yang diberikan berhubung dengan pemandu dan/atau satu kelindan, dengan izin Pihak Diinsuranskan, memandu, menumpang, menaiki atau turun dari kenderaan perdagangan yang dinyatakan dalam Polisi, atas apa-apa kecederaan anggota yang disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh kemalangan teruk yang tidak sengaja secara luaran dan nampak dan merupakan sebab kematian atau cacat anggota sebagaimana yang ditakrifkan kemudian daripada ini, maka Syarikat akan membayar jumlah atau jumlah- jumlah wang yang ditetapkan dalam Jadual dan dengan cara yang dinyatakan kemudian dari ini.

FAEDAH

Insurans yang diberikan hanya berhubung dengan kecederaan anggota melalui kemalangan teruk yang tidak sengaja dan nampak semata-mata dan tidak ada kena-mengena dengan apa-apa sebab lain. Polisi ini memberi perlindungan hanya setakat dua (2) orang yang diinsuranskan (pemandu dan/atau satu kelindan) setiap satu kenderaan perdagangan. Jumlah maksimum perlu dibayar untuk mana-mana satu tempoh insurans tidak boleh melebihi RM100,000.00 bagi setiap satu kenderaan perdagangan.

Seksyen I – Kehilangan Nyawa

Sekiranya kecederaan mengakibatkan kehilangan nyawa pemandu dan/atau satu kelindan kenderaan perdagangan yang dinamakan dalam tempoh satu ratus lapan puluh (180) hari selepas tarikh kemalangan, Syarikat akan membayar RM50,000.00 setiap orang.

Seksyen II – Kehilangan Anggota

Kehilangan penglihatan dan kehilangan anggota sekiranya kecederaan tidak mengakibatkan kehilangan nyawa pemandu dan/atau satu kelindan kenderaan perdagangan yang dinamakan dalam tempoh satu ratus lapan puluh (180) hari selepas kejadian kemalangan tetapi mengakibatkan mana-mana kehilangan yang berikut dalam tempoh satu ratus lapan puluh (180) hari yang tersebut, syarikat akan membayar untuk kehilangan bagi:

Jadual Manfaat	Plan
Kehilangan kedua-dua tangan atau kedua-dua kaki	RM50,000 setiap orang
Kehilangan penglihatan kedua-dua mata	RM50,000 setiap orang
Kehilangan satu tangan dan satu kaki	RM50,000 setiap orang
Kehilangan Penglihatan satu mata dan satu tangan atau satu kaki	RM50,000 setiap orang
Kehilangan satu tangan atau satu kaki	RM25,000 setiap orang
Kehilangan penglihatan satu mata	RM25,000 setiap orang

"Kehilangan" seperti yang di atas digunakan dengan rujukan kepada tangan atau kaki bermaksud pemutusan sepenuhnya di atau di atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki, dan digunakan dengan rujukan kepada mata bermaksud kehilangan penglihatan keseluruhan yang tidak dapat dipulihkan lagi.

Kejadian apa-apa kehilangan khusus yang boleh dibayar pampasan di bawah bahagian ini hendaklah sekali gus menamatkan semua insurans di bawah polisi ini, tetapi penamatan sedemikian hendaklah tanpa prasangka terhadap apa-apa tuntutan yang berpunca daripada kemalangan yang mengakibatkan kehilangan sedemikian.

Pampasan tidak akan dibayar di bawah apa-apa keadaan untuk lebih daripada satu kehilangan, iaitu kehilangan terbesar yang diperuntukkan dalam seksyen ini.

Seksyen III - Perbelanjaan Pembayaran Ganti Perubatan

Sekiranya atas sebab-sebab kecederaan, pemandu dan/atau satu kelindan yang dibenarkan memerlukan rawatan daripada pakar perubatan atau pakar bedah yang layak dari segi undang-undang, kemasukan ke hospital atau menggunakan khidmat jururawat berlesen atau siswazah, Syarikat akan membayar perbelanjaan sebenar yang ditanggung dalam masa lima puluh dua (52) minggu dari tarikh kemalangan untuk rawatan sedemikian, caj hospital, dan bayaran jururawat tetapi tidak melebihi amaun boleh dibayar agregat sebanyak RM500.00 setiap orang akibat mana-mana satu kemalangan.

PERUNTUKAN KHAS

Sekiranya bilangan sebenar kelindan melebihi bilangan yang dinyatakan dalam perisytiharan polisi, Had Liabiliti Syarikat bagi setiap orang akan diturunkan nisbah bilangan sebenar kelindan kepada bilangan kelindan yang diisytiharkan.

Pengehadan ini hendaklah tidak diterima pakai terhadap pemandu.

KEKECUALIAN

Insurans ini tidak diterima pakai:

1. (a) untuk kehilangan yang disebabkan secara langsung atau secara tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh
 - (i) jangkitan bakteria (kecuali jangkitan piogenik yang berlaku melalui luka tidak sengaja)
 - (ii) apa-apa jenis penyakit lain:
 - (iii) rawatan perubatan atau pembedahan (kecuali yang perlu semata-mata kerana kecederaan yang dilindungi oleh polisi ini dan dilaksanakan dalam masa yang diperuntukkan dalam polisi);
 - (b) untuk apa-apa kecederaan anggota yang akan mengakibatkan hernia;
 - (c) untuk bunuh diri atau apa-apa percubaan berbuat demikian (siuman atau tidak siuman);
 - (d) untuk kehilangan yang disebabkan oleh perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi seperti perang (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), dahagi, perang saudara, pemberontakan, revolusi, penentangan, konspirasi, rampasan kuasa tentera atau rampasan kuasa, pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan atau apa-apa kejadian atau sebab yang menentukan perisytiharan atau pengekalan pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan, rampasan, kuarantin, atau peraturan kastam atau pemilikan negara oleh atau di bawah perintah mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa awam atau tempatan, atau apa-apa senjata atau alat yang menggunakan pembelahan atom atau tenaga radioaktif, sama ada di waktu aman atau perang. Kecualian ini hendaklah tidak terjejas oleh apa-apa pengendorsan yang tidak merujuknya secara khusus, secara keseluruhan atau sebahagiannya. Pihak Diinsuranskan hendaklah, jika dikehendaki berbuat demikian, dan sebagai syarat yang mendahului apa-apa liabiliti Syarikat, membuktikan bahawa kehilangan itu tidak dengan apa-apa cara timbul atau melalui mana-mana keadaan atau sebab yang dikecualikan di atas.
 - (e) untuk kehilangan yang terjadi semasa kenderaan perdagangan digunakan untuk sewa, lumba, rali jalan raya, penentuan rentak, pengujian laju atau penggunaan untuk apa-apa tujuan yang berhubung dengan perdagangan kenderaan motor.
 - (f) jika pemandu yang dibenarkan memandu kenderaan perdagangan tersebut tidak memegang lesen memandu yang sah untuk memandu sebarang kenderaan perdagangan atau tidak layak untuk memegang atau mendapat lesen pemandu yang sah sedemikian di bawah peraturan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia.
 - (g) apabila kenderaan perdagangan digunakan untuk aktiviti perniagaan yang menyalahi undang-undang sebagai pengangkutan umum tidak berlesen.
 - (h) untuk kelahiran anak, keguguran, pengguguran atau kehamilan melainkan disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh kemalangan kepada Anda/ Pemandu Dibenarkan dan/atau penumpang semasa memandu, menunggang, turun atau menaiki kereta anda.
 - (i) untuk mana-mana orang yang berumur di bawah 18 tahun dan melebihi umur 70 tahun.
 - (j) Semasa pemandu yang dibenarkan di bawah pengaruh minuman keras yang memabukkan, alkohol atau dadah.
2. Polisi ini tidak akan melindungi kematian, cacat anggota (sama ada kekal atau sementara) atau perbelanjaan perubatan yang dianggap berpunca secara langsung atau secara tidak langsung daripada HIV (Virus Keimmunodefisienan Manusia), dan/atau apa-apa penyakit yang berhubungan dengan HIV termasuk AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan) dan/atau apa-apa terbitan atau variasi mutannya.

SYARAT-SYARAT

1. Pembayaran berhubung dengan apa-apa premium hendaklah tidak dianggap menjadi pembayaran kepada Syarikat melainkan resit berbentuk cetakan telah ditandatangani oleh wakil Syarikat yang diberi kuasa sewajarnya telah dikeluarkan kerana itu.
2. Semua notis yang dikehendaki diberikan oleh Pihak Diinsuranskan kepada Syarikat mestilah secara bertulis dialamatkan kepada Cawangan atau Agensi Syarikat tempatan yang terdekat dan tiada pengubahan dalam terma-terma Polisi ini ataupun apa-apa pengendorsan terhadapnya akan dianggap sah kecuali perkara yang serupa ditandatangani atau diparapi oleh wakil Syarikat yang diberi kuasa.
3. Syarikat hendaklah pada bila-bila masa dengan memberi notis empat belas (14) hari kepada Pihak Diinsuranskan melalui Surat Berdaftar ke alamat terakhir Pihak Diinsuranskan yang diketahui oleh Syarikat, bebas menentukan dan membatalkan Polisi ini, dengan syarat Syarikat hendaklah dalam hal ini atas tuntutan mengembalikan kepada Pihak Diinsuranskan bahagian premium pada kadar yang sepadan dengan tempoh insurans yang belum luput. Polisi ini juga boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Pihak Diinsuranskan dengan notis kepada Syarikat, dan dalam hal ini Pihak Diinsuranskan hendaklah berhak mengembalikan premium ditolak premium pada Kadar Denda Mungkir Syarikat untuk masa Polisi yang telah dikuatkuasakan pada tempoh insurans semasa waktu itu.

KADAR DENDA MUNGKIR

Tidak melebihi satu bulan kalendar	_____	25%
Melebihi satu bulan tetapi sehingga 3 bulan	_____	50%
Melebihi tiga bulan tetapi sehingga 6 bulan	_____	75%
Melebihi enam bulan tetapi sehingga 9 bulan	_____	90%
Melebihi sembilan bulan	_____	100%

4. MASA NOTIS TUNTUTAN

Notis bertulis tentang kecederaan yang menjadi asas tuntutan mesti diberikan kepada Syarikat dalam masa empat belas (14) hari selepas tarikh kemalangan yang menyebabkan kecederaan sedemikian. Sekiranya berlaku mati kemalangan, notis segera tentang hal ini mestilah diberikan kepada Syarikat.

5. KECUKUPAN NOTIS

Notis sedemikian oleh atau bagi Pihak Diinsuranskan atau Benefisiari, mengikut kes, yang diberikan kepada Syarikat atau kepada mana- mana ejen Syarikat yang diberikan kuasa, dengan butir-butir yang mencukupi untuk mengenal pasti Pihak Diinsuranskan hendaklah dianggap sebagai notis kepada Syarikat. apa-apa tuntutan jika dibuktikan secara munasabah bahawa notis sedemikian tidak dapat diberikan dan bahawa notis telah diberikan secepat mungkin apabila munasabah.

6. BORANG UNTUK BUKTI KEHILANGAN

Syarikat, apabila menerima notis sedemikian, akan membekalkan kepada pihak menuntut borang- borang sedemikian, sebagaimana yang biasa dibekalkannya untuk memfailkan bukti kehilangan.

7. MASA UNTUK MEMFAILKAN BUKTI KEHILANGAN

Bukti pengakuan kehilangan mesti dibekalkan kepada Syarikat di pejabatnya yang disebutkan dalam masa satu ratus lapan puluh (180) hari selepas tarikh kehilangan sedemikian.

8. PEMERIKSAAN PERUBATAN

Syarikat hendaklah diberi hak dan peluang untuk memeriksa pemandu dan/atau satu kelindan yang dibenarkan/ diinsuranskan sekerap yang mungkin diperlukan secara munasabah dalam tempoh tuntutan di bawah dokumen ini, dan juga diberi hak dan peluang untuk membuat autopsi sekiranya berlaku kematian jika tidak dilarang oleh undang-undang.

9. PEMBAYARAN TANGGUNG RUGI SERTA-MERTA

Semua tanggung rugi yang diperuntukkan dalam polisi ini akan dibayar serta-merta selepas penerimaan bukti yang wajar:

10. TUNTUTAN MELALUI PIHAK DIINSURANSKAN DINAMAKAN

Semua tuntutan di bawah ini hendaklah diserahkan melalui Pihak Diinsuranskan yang dinamakan.

11. KEPADA SIAPA PAMPASAN BOLEH DIBAYAR

Apa-apa pampasan yang boleh dibayar di bawah polisi ini adalah kepada Pihak Syarikat Kenderaan perdagangan atau pemandu dan/atau satu kelindan yang dibenarkan semasa memandu atau menumpang, menaiki atau menuruni kenderaan yang dinyatakan dalam polisi dan sekiranya berlaku kehilangan nyawa Pihak Diinsuranskan semua pampasan sedemikian hendaklah dibayar kepada wakilnya yang sah di sisi undang-undang dan penerimaan Pihak Diinsuranskan atau wakilnya yang sah di sisi undang-undang, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah melepaskan tanggungan sepenuhnya bagi apa-apa atau semua tuntutan yang berserta dengan polisi ini.

12. HAK-HAK BENEFISIARI

Persetujuan Benefisiari hendaklah tidak menjadi suatu keperluan untuk menyerahkan atau menyerah hak polisi ini, atau menukar Benefisiari, atau untuk apa-apa perubahan lain dalam polisi ini.

13. HAD-HAD MASA UNTUK TINDAKAN GUAMAN

Tindakan menurut undang-undang atau dari segi ekuiti hendaklah tidak diambil untuk mendapatkan balik polisi ini sebelum habis tempoh enam puluh (60) hari selepas bukti kerugian telah difailkan menurut keperluan polisi ini, dan tindakan sedemikian juga hendaklah tidak diambil melainkan diambil dalam tempoh dua (2) tahun dari tamat tempoh masa bagi bukti kerugian diperlukan oleh polisi.

14. HAD-HAD YANG DIKAWAL OLEH STATUT

Jika pada bila-bila masa had polisi ini, berhubung dengan memberi notis tuntutan atau memberikan bukti kerugian, adalah kurang daripada yang dibenarkan oleh undang-undang negeri tempat Pihak Diinsuranskan tinggal pada masa polisi ini dikeluarkan, had SEDEMIKIAN adalah dengan ini dilanjutkan untuk disesuaikan dengan tempoh minimum yang dibenarkan oleh undang-undang sedemikian.

15. PEMBATALAN OLEH PIHAK DIINSURANSKAN YANG DINAMAKAN

Jika Pihak Diinsuranskan yang dinamakan pada bila-bila masa membatalkan pendaftaran kenderaan perdagangan atau memindah milik kereta yang ditetapkan dalam polisi, Syarikat atas permintaan bertulis Pihak Diinsuranskan, dan penyerahan polisi, akan membatalkannya dan akan mengembalikan kepada Pihak Diinsuranskan premium tidak terperoleh. Walau bagaimanapun, premium yang diperolehi hendaklah dikira selaras dengan peraturan, denda mungkir, pelan peredaran Syarikat, yang diterima pakai bagi insurans ini.

16. TAKRIF

Di mana sahaja dalam polisi ini perkataan "Syarikat" digunakan, ia hendaklah bermakna Syarikat yang mengeluarkannya, dan di mana sahaja perkataan "Pihak Diinsuranskan atau orang yang diinsuranskan" digunakan, ia hendaklah bermakna pemohon yang dinamakan dalam salinan permohonan. Di mana sahaja perkataan "Benefisiari" digunakan, ia hendaklah bermakna orang yang dinamakan "Benefisiari" dalam item 1 Perisytiharan polisi ini atau orang yang digantikan sedemikian. Di mana sahaja perkataan "Kecederaan" digunakan, ia hendaklah bermakna kecederaan anggota berkesan seperti yang diperihalkan dalam fasal insurans, dan dimana sahaja perkataan "kenderaan" digunakan, ia hendaklah bermakna untuk kegunaan perdagangan sahaja. Di mana sahaja perkataan "Kenderaan Perdagangan" digunakan, ia hendaklah sepatutnya berlesen dan diluluskan dengan permit oleh Jabatan Kerajaan yang berkaitan dan mempunyai Insurans Motor yang sah dengan pihak syarikat.

17. PENYERAHAN HAK

Penyerahan hak kepentingan di bawah polisi ini hendaklah tidak terikat atas Syarikat melainkan dan sehingga salinan asal atau penduanya difailkan di Ibu Pejabat. Syarikat tidak memikul apa-apa tanggungjawab bagi mengesahkan penyerahan hak. Perubahan Benefisiari di bawah polisi ini hendaklah tidak mengikat Syarikat, melainkan persetujuannya secara rasmi disokong di dalam ini oleh seorang pegawai eksekutif Syarikat. Peruntukan piagam, perlembagaan atau undang-undang kecil Syarikat ini hendaklah tidak digunakan dalam mempertahankan apa-apa tuntutan yang timbul di bawah polisi ini, melainkan peruntukan sedemikian telah digabungkan sepenuhnya dalam polisi ini.

18. PEMATUHAN PERUNTUKAN POLISI

Kegagalan untuk mematuhi mana-mana peruntukan yang terkandung dalam polisi ini hendaklah menyebabkan semua tuntutan di bawah ini menjadi tidak sah.

19. PEMBAHARUAN

Polisi ini boleh diperbaharui dengan persetujuan Syarikat dari suatu tempoh ke suatu tempoh, dengan pembayaran premium terlebih dahulu pada kadar premium Syarikat yang berkuat kuasa pada masa pembaharuan.

20. BAYARAN PREMIUM (BAYAR SEBELUM LINDUNG)

Polisi ini hendaklah secara automatik tamat atau luput jika premium tidak diterima dari tarikh permulaan atau pembaharuan polisi ("CBC"- *CASH BEFORE COVER*) melainkan dengan cara lain yang dipersetujui dan diendors di dalam dokumen ini. Syarikat berhak menentukan kadar premium yang baharu pada akhir setiap tahun polisi, apabila terma Polisi ini ditukar atau berpandukan sejarah tuntutan Pihak Diinsuranskan yang merugikan.

21. HAD SEKATAN DAN PENGECUALIAN

Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa manfaat di bawah Polisi ini jika perlindungan, pembayaran tuntutan tersebut atau manfaat tersebut mungkin mendedahkan Kami kepada sebarang sekatan, larangan atau sekatan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat.

NOTIS PENTING:

- A) Untuk perlindungan anda sendiri, anda dinasihati secara khusus untuk membaca Polisi anda dan, jika tidak betul, memulangkannya untuk dibuat pindaan. Sekiranya anda juga mempunyai Insurans lain yang berkuatkuasa pada harta tertentu, hendaklah memastikan bahawa semua Polisi memerihalkannya dalam syarat-syarat yang serupa.
- B) Sekiranya terdapat kekeliruan, keaburan dan konflik dalam mentafiran mana-mana terma dan syarat kontrak ini, versi Bahasa Inggeris adalah terpakai dan mengatasi versi Bahasa Malaysia.
- C) Anda dinasihatkan untuk mencalonkan penama serta memastikan bahawa penama anda mengetahui tentang polisi kemalangan diri yang telah dibeli
- D) Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

SALURAN PENYELESAIAN ADUAN INSURANS ANDA

Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan maklumbalas atau keputusan Syarikat Kami, Anda boleh mengemukakan aduan Anda kepada saluran-saluran dibawah. Sila semak dengan Unit Aduan Syarikat Kami tentang saluran yang betul untuk mengemukakan aduan Anda

A) Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan, Pusat Khidmat Pelanggan

Liberty General Insurance Berhad

Dahulu dikenali sebagai AmGeneral Insurance Berhad

Liberty Insurance Tower,
CT 9, Pavilion Damansara Heights,
3, Jalan Damanlela,
50490 Kuala Lumpur.

Tel. No.: 03-2268 3333 or 1-300-888-990

E-mel : customer@libertyinsurance.com.my

Laman Web : www.libertyinsurance.com.my

B) BNMLINK (Laman Informasi Nasihat dan Khidmat)

Bank Negara Malaysia

4th Floor, Podium Bangunan AICB,
No. 10, Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.

Tel. No.: 03-2698 8044 (General Line) / 1-300-88-5465 (BNMLINK)

Fax No.: 03-2174 1515

e-Link: bnmlink.bnm.gov.my

E-mel : bnmlink@bnm.gov.my

Laman Web: www.bnm.gov.my

C) Ombudsman for Financial Services (664393P) / Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (664393P)

Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia,
4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

Tel. No.: 03-2272 2811

Fax No.: 03-2272 1577

E-mel: enquiry@ofs.org.my

Laman Web: www.ofs.org.my